

▼29/04/17-39MST

CNS2759

U GB 29-04 00168 BD031

AAB

Mahathir-ZITF

ZITF WADAH BAGI PENGEKSPOORT DI NEGARA MEMBANGUN

Daripada Zainoor Sulaiman

I

BULAWAYO, Zimbabwe, 29 April (Bernama) -- Zimbabwe menawarkan potensi besar bagi perdagangan dan pelaburan asing, dan akan menjadi pintu masuk utama ke pasaran negara-negara selatan Afrika, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Semasa berucap merasmikan Pameran Perdagangan Antarabangsa Zimbabwe (ZITF 94) di sini, Perdana Menteri menyifatkan perubahan struktur yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan Zimbabwe untuk ekonomi dan dasar perdagangan terbuka sebagai langkah menuju arah yang betul.

Dr Mahathir ialah pemimpin bukan Afrika yang pertama diberi penghormatan merasmikan pameran tujuh hari itu yang dihadiri 1,000 peserta dari 30 buah negara.

Beliau menyifatkan ZITF 94 sebagai wadah penting bagi pengeksport di negara membangun dengan barangan bagi pasaran di rantau itu.

"Ia menyediakan tempat pasaran yang bertepatan bagi ahli-ahli perniagaan untuk bertemu dan berinteraksi antara satu sama lain bagi mengenal pasti bidang minat bersama dan untuk meningkatkan Kerjasama Selatan-selatan," katanya. -- Lagi.

▼29/04/18-39MST

CNS2759

U GB 29-04 00140 BD032

AAB

Mahathir-ZITF 2 Bulawayo

Dr Mahathir dan semua anggota rombongan dari Malaysia termasuk ahli-ahli perniagaan tiba ke bandar ini yang terletak kira-kira 450 km ke barat-daya Harare dengan menaiki pesawat yang disewa khas.

Beliau diberi sambutan penuh istiadat semasa tiba di Bulawayo, bandar kedua terbesar selepas Zimbabwe yang mempunyai penduduk seramai 600,000 orang.

Ketibaan beliau di lapangan terbang di sambut Presiden Robert Mugabe, yang turut mengiringinya di pameran ZITF.

Dr Mahathir berkata terdapat banyak bidang aktiviti ekonomi yang pengeluar-pengeluar di negara membangun boleh bersaing di pasaran dunia.

Bagaimanapun, disebabkan oleh pelbagai sebab, antaranya kekurangan pengetahuan mengenai peluang-peluang pasaran dan teknologi yang betul, terlalu menumpukan kepada pasaran dalam negara, dan terlalu bergantung kepada pembeli dan pembekal asing tradisional, keupayaan mereka telah terjejas dan perniagaan tidak berkembang, katanya. -- Lagi.

▼29/04/18-43MST

U GB 29-04 00117 BD033

AAB

Mahathir-ZITF 3 (Akhir) Bulawayo

Perdana Menteri berkata banyak negara membangun, malahan yang disifatkan sebagai paling kurang membangun, adalah kaya dengan sumber asli.

"Jika negara-negara yang menerima pembiayaan boleh mencapai status ekonomi maju, tiada sebab untuk mempercayai bahawa negara-negara selatan tidak boleh mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi," katanya.

Sebanyak 14 syarikat Malaysia mengambil bahagian dalam pameran ZITF 94 itu iaitu EON, Proton, Silver Stone Tires, Kumpulan Berjaya, Mchmar Voilers, Petronas, UMW Corporation, L.B. Food Sdn Bhd. DMIB Berhad, Alinamin (Malaysia) Sdn Bhd., Intraco Hardware (M) Sdn Berhad, Welding Industries (M) Sdn Bhd, Orgavyl Chemical Sdn Bhd dan Malaysia Palm Oil Council. -- Bernama

ZBS AZ.

▼29/04/18-51MST